

DOSM MEMPERKASA TADBIR URUS DATA DENGAN PENCAPAIAN PENSIJILAN GLOBAL



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PUTRAJAYA – 30 Disember 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus memperkukuh amalan pengurusan data apabila empat pegawainya berjaya memperoleh pensijilan *Certified Data Management Professional (CDMP)* oleh DAMA International yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

CDMP merupakan penanda aras global dalam bidang pengurusan data, merangkumi domain kritikal seperti tadbir urus data, seni bina data, kualiti data, pengurusan metadata dan pemodelan data. Pencapaian ini meningkatkan keupayaan DOSM untuk membina ekosistem data yang bersepadu, dipercayai dan bersedia menghadapi masa hadapan, sekali gus mengukuhkan komitmen terhadap piawaian bertaraf dunia. Ia juga meletakkan DOSM di barisan hadapan transformasi institusi, menyokong aspirasi Malaysia ke arah pembangunan sistem statistik yang berdaya tahan saling beroperasi dan dipacu oleh kecerdasan data.

Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menyambut baik pencapaian tersebut dengan menekankan kepentingan strategi asas data yang kukuh dalam sektor awam. Beliau berkata, "Memperkukuh tadbir urus data adalah penting untuk memastikan data yang berkualiti tinggi, standard dan saling beroperasi di sepanjang rantai nilai statistik. Pensijilan ini melengkapkan pegawai kami dengan kepakaran bertaraf global untuk memperkasa peranan DOSM sebagai sumber statistik yang dipercayai negara."

Pencapaian ini hadir tepat pada masanya ketika DOSM sedang mempercepatkan agenda pemodenan data melalui inisiatif-inisiatif seperti *Statistics Data Warehouse (StatsDW)*, *OpenDOSM NextGen*, *TaniStats 2.0* dan *DOSM GEOHUB*. Pegawai yang bertauliah

CDMP akan memainkan peranan penting dalam memajukan integrasi data, menambahbaik pengurusan kitar hayat data dan mengukuhkan infrastruktur statistik merentasi semua domain. Kepakaran mereka akan menyumbang kepada pembentukan dasar yang lebih menyeluruh, telus dan berasaskan bukti, selaras dengan keutamaan pembangunan DOSM.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir turut menekankan, "Statistik yang berkualiti bermula dengan tadbir urus data yang kukuh. Dengan melahirkan profesional data yang berkemahiran tinggi, kita memastikan sistem statistik negara kekal berdaya tahan, adaptif dan mampu memenuhi keperluan landskap digital yang sentiasa berkembang."

Beliau menambah bahawa dalam dunia berasaskan data hari ini, pengurusan, tadbir urus dan perlindungan data organisasi yang berkesan adalah asas kejayaan. Negara yang kuat bergantung kepada sistem statistik yang mantap untuk menyediakan bukti yang diperlukan bagi dasar awam yang berkesan, pengurusan ekonomi yang cekap dan tadbir urus yang telus.

Pensijilan ini turut menyokong peranan DOSM dalam kepimpinan serantau di mana Malaysia mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN ke-15 (ACSS15) pada tahun 2025. Peningkatan kapasiti tadbir urus data dalam DOSM menyumbang kepada keseragaman, kebolehoperasian dan kerjasama serantau yang merupakan elemen penting dalam memajukan ekosistem statistik ASEAN yang bersepadu dan dipercayai.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 DISEMBER 2025



Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir (tengah) bersama penerima pensijilan antarabangsa *Certified Data Management Professionals (CDMP)*

DOSM ELEVATES DATA GOVERNANCE WITH GLOBAL CERTIFICATION ACHIEVEMENT



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

PUTRAJAYA – December 30, 2025 – *In a significant step towards strengthening data management practices, four officers from the Department of Statistics Malaysia (DOSM) have successfully attained the internationally recognised Certified Data Management Professional (CDMP) certification from DAMA International.*

The CDMP is a globally acknowledged benchmark in data management, covering critical domains such as data governance, data architecture, data quality, metadata management, and data modelling. This achievement enhances DOSM's capacity to build an integrated, trusted, and future-ready data ecosystem, reinforcing its commitment to world-class standards. It also positions DOSM at the forefront of institutional transformation, supporting Malaysia's aspiration to develop resilient, interoperable and intelligence-driven statistical systems.

Chief Statistician Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, commended the milestone, highlighting the strategic importance of strong data foundations in the public sector. "Strengthening data governance is vital to ensuring high-quality, standardised, and interoperable data across the statistical value chain. This certification equips our officers with globally benchmarked expertise to uphold DOSM's role as the nation's trusted source of statistics," he said.

This accomplishment comes at a pivotal time as DOSM accelerates its data modernisation agenda through initiatives such as the Statistics Data Warehouse (StatsDW), OpenDOSM NextGen, TaniStats 2.0, and DOSM GEOHUB. The CDMP-certified officers will play a crucial role in advancing data integration, improving lifecycle management, and strengthening statistical infrastructure across all domains. Their expertise will contribute to

more coherent, transparent, and evidence-based policymaking aligned with DOSM's development priorities.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir further emphasised, "Quality statistics begin with strong data governance. By nurturing competent data professionals, we ensure that our statistical system remains resilient, adaptive, and capable of meeting the demands of a rapidly evolving digital landscape."

He further elaborated that in today's data-driven world, the effective management, governance, and protection of organisational data are essential for success. A strong nation relies on a robust statistical system to deliver the evidence required for sound policymaking, effective economic management, and transparent governance.

The certification also supports DOSM's broader role in regional leadership, as Malaysia chaired the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) in 2025. Enhanced data governance capacity within DOSM will foster greater harmonisation, improved interoperability, and stronger regional collaboration key elements in advancing a unified and trusted ASEAN statistical ecosystem.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 DECEMBER 2025**



Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir (centre), with DOSM officers awarded Certified Data Management Professionals (CDMP) certification.